

MAHATHIR-PANDANG TIMUR

1984

KUALA LUMPUR, 5 MEI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI DASAR PANDANG KE TIMUR AKAN DITERUSKAN DAN BELIAU MEMINTA AGAR JANGAN ADA CUBAAN MENGHASUT BUMIPUTERA SUPAYA MENENTANG DASAR ITU.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN KERAJAAN TIDAK AKAN MEMBATALKAN DASAR PANDANG KE TIMUR KERANA DASAR ITU TEPAT DAN SUDAH PUN MENDATANGKAN HASIL YANG SEWAJARNYA.

+MALAYSIA TETAP AKAN MENDAPAT MANFAAT YANG BANYAK DARI DASAR PANDANG KE TIMUR. JANGANLAH CUBA MENGHASUT BUMIPUTERA SUPAYA MENENTANG DASAR ITU,+ TAMBAHNYA SEMASA MERASMIKAN KOMPLEKS DAYABUMI --SEBUAH MERCU TANDA SETINGGI 36 TINGKAT DI PUSAT BANDARAYA INI.

BELIAU MEMBIDAS KRITIKAN YANG DILEMPARKAN TERHADAP DASAR ITU TERMASUK MENJADIKAN KOMPLEKS DAYABUMI SEBAGAI SATU SIMBOL OLEH SATU GOLONGAN YANG INGIN MENGGAGALKAN DASAR PANDANG KE TIMUR KERAJAAN.

BELIAU BERHARAP JIKA ADA MASALAH ATAU KEJADIAN DI MANA PIHAK ORANG ASING TIDAK MEMATUHI SYARAT ATAU MEMBERI LAYANAN YANG SEWAJARNYA PIHAK-PIHAK BERTANGGUNGJAWAB HENDAKLAH DIBERITAHU DAN MASALAH DISELESAIKAN SECARA RUNDINGAN.--LAGI 1313/HM

ICIC 8532

MAHATHIR-PANDANG KE TIMUR 2 KUALA LUMPUR

+TETAPI JANGANLAH KITA BERSIKAP TERLALU SENSITIF SEHINGGA TIDAK BOLEH DITEGUR SAMA SEKALI WALAUPUN KITA BERSALAH.

+SAYA DAPATI BANYAK KESALAHAN YANG DILAKUKAN BERKALI-KALI KERANA KITA TIDAK SUKA MENEGUR KERANA TAKUT TERENTAK HATI.+

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMPERTAHANKAN DASAR ITU DENGAN MENGATAKAN SEJAK DILAKSANAKAN, PEMINDAHAN TEKNOLOGI TELAH BANYAK BERLAKU DI NEGARA INI.

+WALAUPUN BANYAK DARIPADA FIRMA-FIRMA TEMPATAN MENAFIKAN ADANYA PEMINDAHAN TEKNOLOGI, HAKIKATNYA BERBEZA SEKALI DARI DAKWAAN MEREKA.+

KATANYA, KERAJAAN BERPUAS HATI BAHAWA PEMINDAHAN TEKNOLOGI ADALAH SALAH SATU DARIPADA HASIL PEMBERIAN KONTRAKTOR ASING, KHUSUSNYA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR DARI JEPUN DAN KOREA SELATAN.

DI PULAU PINANG UMPAMANYA, SEBUAH SYARIKAT BUMIPUTERA SEKARANG DAPAT MENGELUARKAN +PRE-STRESSED CONCRETE BEAM+ YANG TERBESAR SEKALI YANG DIGUNAKAN UNTUK PEMBINAAN JAMBATAN PULAU PINANG.

SEBUAH SYARIKAT DI BANDARAYA INI PULA TELAH BERJAYA MENGELUARKAN +CURTAIN WALL+ UNTUK PROJEK DAYABUMI INI.--LAGI 1322/HM

MEMURUT PERDANA MENTERI CARA-CARA MENGURUS PROJEK BESAR TELAH JUGA DIJELASKAN KEPADA PERMODALAN NASIONAL BERNAMA (PNB) DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN YANG LAIN.

DI SAMPING ITU RAMAI JUGA JURUTEKNIK, JURUTERA DAN PEKERJA MAHIR YANG DILATIH DI TEMPAT KERJA ATAU MEMERIMA LATIHAN DI JEPUN DAN KOREA SELATAN OLEH KEDUA-DUA KERAJAAN TERSEBUT DAN JUGA FIRMA-FIRMA MEREKA.

+APA YANG TIDAK DAPAT DINAFIKAN IALAH SEBELUM DASAR PANDANG KE TIMUR, KITA JUGA TELAH MEMBERIKAN KONTRAK DAN MENDAPAT BEKALAN DARI NEGARA-NEGARA ASING, TETAPI TIDAK ADA SKIM DAN BIASESNA LATIHAN SECARA TERATUR DAN BESAR-BESARAN YANG DIDUAT OLEH MEREKA YANG MENDAPAT MANFAAT DARI KONTRAK-KONTRAK DI MALAYSIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN DASAR EKONOMI BARU JUGA DIHORMATI OLEH SYARIKAT-SYARIKAT DARI NEGARA-NEGARA TIMUR INI.

BELIAU MENGULANGI DASAR PANDANG KE TIMUR TIDAK BERMAKNA MEMBERI KONTRAK ATAU MENDAPAT BEKALAN DARIPADA NEGARA-NEGARA TIMUR TETAPI UNTUK MENPELAJARI MENGENAI ETIKA KERJA, CARA-CARA MENGURUS DAN SEBARANG TEKNOLOGI DARI JEPUN DAN KOREA SELATAN.--LAGI 1333/HM

MAHATHIR - PANDANG TIMUR 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, KONTRAK-KONTRAK YANG DIMENANGI OLEH KONTRAKTOR ASING ADALAH KERANA TAWARAN MEREKA DIDAPATI YANG TERBAIK SEKALI SETELAH MENGAMBILKIRA SEMUA ASPEK.

+HARGA MURAH BUKANLAH FAKTOR TERTENTU DALAM PEMBERIAN TENDER. KITA TAHU BETAPA KERAPNYA PENENDER YANG MURAH AKHIRNYA MENGHADAPI MASALAH, LEWAT MENYIAPKAN KERJA, MEMINTA TAMBAHAN BAYARAN DAN KADANG-KADANG MENINGGALKAN KERJA.

+JIKA SESUATU FIRMA YANG BIASANYA MENGAMBIL MASA YANG PANJANG UNTUK MENYIAPKAN SUATU PROJEK, DAN TENDERNYA BIASANYA TINGGI, TETAPI DALAM TENDER TERTENTU, TIBA-TIBA IA MENGEMUKAKAN TENDER YANG AMAT RENDAH DAN MEMBUAT JANJI AKAN SIAP DALAM JANGKA MASA YANG PENDEK, KITA TIDAK BOLEH LARI DARI KERAGUAN SAMADA SYARAT-SYARAT TENDER AKAN DIPATUHI, + TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENJELASKAN PRESTAJI LAMPAU PENENDER, SISTEM YANG DIGUNAKAN UNTUK PEMBINAAN, MUTU KERJA DAN LAIN-LAIN FAKTOR JUGA MESTI DIAMBIL KIRA DALAM MENENTUKAN SIAPA YANG MEMENANGI TENDER.--LAGI 1345/HM

MAHATHIR-PANDANG TIMUR 5 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA KRITERIA ITU DIGUNAKAN UNTUK SEMUA TENDER YANG TERBUKA KEPADA FIRMA TEMPATAN BERSAMA FIRMA ASING.

BUKAN SAHAJA KERAJAAN YANG MENGGUNAKAN KRITERIA ITU TETAPI PIHAK SWASTA JUGA MENGGUNAKANNYA TANPA APA-APA KAITAN DENGAN DASAR PANDANG KE TIMUR, TAMBAHNYA.

BELIAU BERPUAS HATI DALAM PROJEK DAYABUMI FASA TIGA INI, SEMUA KRITERIA TELAH DIAMBILKIRA DAN HASILNYA MEWAJARKAN KEPUTUSAN PIHAK YANG MEMUTUSKAN TENDER BAGI PROJEK INI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BUKAN SAHAJA SYARAT MASA KOMPLEKS DAYABUMI SIAP DALAM 26 BULAN DIPATUHI, TETAPI MUTU KERJA AMAT BAIK, LATIHAN DIBERI KEPADA PEKERJA-PEKERJA TEMPATAN DAN FIRMA DUMIPUTERA DAPAT MEMAINKAN PERANAN DALAM PROJEK ITU.--BERNAMA 1355/HM